Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

PERANAN WAT SIAM TERHADAP IDENTITI DAN ESPRIT DE CORPS DI KEDAH[1]

THE ROLE OF WAT SIAM ON IDENTITY AND ESPRIT DE CORPS IN KEDAH

Haslinda Hj. Hasan[1]
Siti Alwaliyah Mansor[2]
Sharifah Ismail[3]

[1]Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: haslynda@uum.edu.my)
[2]Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia (Email: alwaliyah@uum.edu.my)
[3]Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah Universiti Teknologi Mara (UUM), Malaysia, (Email: sharifah@uum.edu.my)

Article history
Received date : 12-10-2023
Revised date : 13-10-2023
Accepted date : 12-2-2024
Published date : 15-4-2024

To cite this document:
Hasan, H., Mansor, S. A., & Ismail, S. (2024). Peranan Wat Siam terhadap identiti dan esprit De Corps di Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 799 – 808.

Abstrak: *Institusi wat merupakan elemen penting dalam membentuk jati diri orang Siam di Malaysia iaitu dalam mengekalkan jati diri dan esprit de corps masyarakat mereka. Agama Buddha Theravada merupakan satu sistem kepercayaan yang berteraskan kepada golongan pengikut Buddha iaitu bikkhu yang pada mulanya hidup mereka sentiasa mengembara. Malah ia diertikan sebagai satu jalan untuk seseorang mencapai tahap penyelamatan (salvation) melalui usaha daripada diri sendiri. Masyarakat Siam adalah golongan minoriti di Kedah dan tinggal dalam komunitinya serta menjalankan kehidupan harian mengikut budaya dan kepercayaan sendiri. Kepercayaan yang kuat ini terbukti apabila setiap kampung orang Siam akan terdapat wat iaitu rumah ibadat. Rumah ibadat iaitu wat juga ditadbir oleh sami-sami Buddha dan anak-anak kampung untuk mempelajari ajaran Buddha dan bahasa Siam. Kita-kitab suci mereka ialah Bot Set, Surat Bun, Ship Son, Than Nan, Phan dan Phatt Bot. Jika ingin meneruskan pelajaran ke peringkat Prak dan Tan, mereka harus melanjutkan pelajaran di Bangkok. Kedudukan kampung-kampung etnik Siam ini selalunya berkelompok yang melambangkan esprit de corps dengan dikelilingi oleh kampung orang Melayu. Hal ini juga menyebabkan mereka terlibat dalam proses asimilasi budaya dan bahasa. Oleh itu, semua masyarakat Siam boleh bertutur bahasa Melayu dengan fasih termasuklah dialek daerah. Kini mereka masih meneruskan agama Buddha yang dianuti sejak dahulu dan meneruskan tradisi*

---

[1] Kajian mengenai orang berketurunan Siam telah dilaksanakan oleh pengkaji atas pembiayaan daripada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah (SLCP), Kolej Sastera dan Sains (CAS), Universiti Utara Malaysia yang bertajuk *Elemen Kekitaan Etnik Siam di Sik: Pembinaan Kerangka Esprit De Corps Minoroti dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia*, geran Universiti kod SO 14796. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) yang turut meluluskan geran kajian ini.

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

perayaan yang diwarisi dari negara asal iaitu Thailand. Malah melalui institusi keagamaan seperti wat Siam mampu mewujudkan perasaan patriotik dan esprit de corps dalam kalangan mereka yang lama menetap di Malaysia.

Kata Kunci*: Buddha Theravada, wat Siam, Siam, esprit de corps dan patriotisma.*

Abstract*: The wat institution is an important element in shaping the identity of the Siamese in Malaysia, that is in maintaining the identity and esprit de corps of their community. Theravada Buddhism is a belief system based on a group of Buddhist followers, namely monks who at the beginning of their lives were always traveling. In fact, it is defined as a way for someone to reach a level of salvation through self-effort. The Siamese community is a minority group in Kedah and lives in its community and conducts daily life according to its own culture and beliefs. This strong belief is proven by the existence of wat, which is a house of worship in every Siamese village. Houses of worship or wats is administered by Buddhist monks, and became a place for young people to learn Buddhist teachings and the Siamese language. Their scriptures are Bot Set, Surat Bun, Ship Son, Than Nan, Phan and Phatt Bot. If they want to continue their studies to the Prak and Tan levels, they should pursue their studies in Bangkok. The position of these Siamese ethnic villages is often grouped which symbolizes the esprit de corps, surrounded by Malay villages. This also causes them to be involved in the process of cultural and language assimilation. Therefore, all Siamese people can speak Malay fluently including regional dialects. Nowadays, they still continue the Buddhism that they practiced in the past and continue the festival tradition inherited from their country of origin, which is Thailand. In fact, religious institutions such as the Siamese wat are able to create a sense of patriotism and esprit de corps among those who have been living in Malaysia for a long time.*

Keywords*: Buddha Theravada, wat Siam, Siam, esprit de corps dan patriotism.*

Pengenalan

Kajian ini merupakan kajian penerokaan lapangan berbentuk kualitatif untuk meneliti peranan wat Siam terhadap identiti dan *esprit de corps* dalam kalangan masyarakat Siam di kedah iaitu agama Buddha Terravada menjadi pegangan mereka. Penempatan orang Siam di Kedah bermula secara besar-besaran semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1942). Pada masa itu, Raja Siam Rama V Chulalongkorn (1868-1910) menggalakkan rakyatnya berhijrah untuk mencari kawasan pertanian dan menetap di Kedah (https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/82, akses 2/2/2024). Ternyata negeri Kedah adalah kawasan yang selamat dan sesuai untuk bermastautin sehingga raja Siam menggalakkan rakyatnya berpindah ke sini. Hubungan Kedah- Siam melibatkan pelbagai aspek, antaranya diplomatik, naugan politik, penaklukan, perekonomian, perdagangan, perkahwinan diraja dan sebagainya (Mohamad Muzammil Mohamad Noor, 2013). Malah Kedah mempunyai sejarah yang sangat panjang dan hubungan pasang surut iaitu ada pahit dan manisnya. Misalnya penaklukan Siam ke atas negeri Kedah yang agak lama telah menyebabkan pemerintah Siam berasa keadaan sosial di Kedah sebati dengan budaya Siam yang merangkumi aspek keagamaan, bangsa dan budaya (Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 2016). Ternyata walaupun orang Siam adalah masyarakat minority di Malaysia namun mereka bertaraf bumiputera iaitu mendapat banyak keistimewaan.

Manakala pada zaman kolonial British sudah diamalkan budaya *esprit de corps*. Maksud perkataan ini dalam bahasa Inggeris *Espirit de Corp A French phrase meaning: A feeling of*

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

loyalty, fellowship shared by members of a particular group (https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/03/821743/memantapkan-espirit-de-corp, diakses 7/10/2023). Diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu: *esprit de corp* (disebut *es-pree deh core*) daripada ayat Perancis bermaksud perasaan setia dikongsi ahli kumpulan atau semangat kumpulan (pasukan). Konsep kerjasama dan saling melengkapi dapat membangun masyarakat yang bertanggungjawab, mempunyai jati diri yang tinggi dan maju. Prinsip *esprit de corp* ini terdapat dalam kalangan masyarakat Siam terutama yang menjadikan wat sebagai pusat sosio ekonomi setempat. Mekanisme pemupukan semangat kekitaan ini juga dapat mendidik generasi muda kita tentang peri pentingnya toleransi dalam kesepaduan antara kaum di Malaysia.

Hampir 95% daripada orang berketurunan Siam telah menetap di empat buah negeri di Utara dan Timur Semananjung Malaysia iaitu di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Manakala sebilangan kecil terdapat di Perak dan Selangor. Kajian menunjukkan di keempat-empat buah negeri di utara, masyarakat Siam lebih ramai terdapat di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sempadan Thailand. Orang yang berketurunan Siam terdapat di pelbagai daerah di Kedah dan kebanyakan daripada mereka bergiat dalam kegiatan pertanian dan perniagaan kecil seperti peruncitan. Mereka juga dikategorikan sebagai bumiputera dan memiliki tanah dan kekayaan serta hidup bersama dengan orang Melayu, Cina dan India. Oleh yang demikian, ciri-ciri semangat kekitaan seperti saling sayang-menyayangi, kesetiaan, keberanian dan kepatuhan kepada undang-undang dan negara amat perlu digalakkan kepada seluruh warga Malaysia yang berbilang kaum agar semangat kekitaan yang terbentuk bukan hanya menjurus kepada etnik masing-masing tetapi wujudnya penerimaan dan toleransi terhadap etnik lain. Kertas kerja ini membincangkan perasaan kekitaan atau esprit de corp hanya dalam kalangan orang berketurunan Siam sahaja.

Penempatan kampung masyarakat Siam kebanyakannya terletak di bahagian pedalaman Kedah seperti di Changlun (daerah Kubang Pasu), Pokok Sena (daerah Padang Terap), Padang Pusing (daerah Kota Star), daerah Baling dan daerah Sik (Abu Hassan, 1976). Menurut Khuarul Nisaq Binti Abdul Majid dan Clarence Ngui Yew Kit dalam penulisan yang bertajuk Perubahan Sosial Masyarakat Siam di Pendang, Kedah (2018) iaitu dengan merujuk kepada sumber bertulis seperti Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, sumber lisan dan pemerhatian dengan meneliti perkembangan sejarah sosial masyarakat Siam di Pendang, sebagai sebuah masyarakat minoriti dalam perkembangan Malaysia semasa zaman kolonial dan pasca kemerdekaan. Penempatan masyarakat Siam di Kedah boleh dikesan melalui kewujudan wat dalam perkampungan mereka. Terdapat kira-kira 49 wat Siam di seluruh negeri Kedah dan jumlah ini kian bertambah. Wat merupakan pusat untuk melakukan aktiviti-aktiviti sosial seperti keagamaan, kebudayaan, beriadah, belajar bahasa Siam dan pendidikan serta menjadi pusat kegiatan komuniti setempat. Jika dikaji dari segi sejarah misalnya pada bulan Jun 1947, kerajaan British di Tanah Malaya telah menyatakan dua buah motosikal yang berharga $2,600,000 untuk digunakan bagi mengawal dan meronda kawasan sempadan antara Kedah dan Siam. Tujuannya untuk menghindar kemasukan secara haram oleh masyarakat Siam ke negeri ini (Asiah Othman, 1978). Oleh kerana Kedah menyediakan banyak peluang ekonomi dan kestabilan politik menyebabkan mereka berminat masuk ke sini.

Metodologi Kajian

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

Kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu berdasarkan tiga sumber yang dikenali sebagai triangulasi iatu kajian keperpustakaan yang melibatkan rujukan terhadap buku, jurnal, tesis, majalah, surat khabar atau bahan secara *online* dan seumpamanya. Sumber ke dua ialah kajian lapangan yang melibatkan pemerhatian. Pengkaji akan masuki sesebuah kampung dengan membuat pemerhatian yang berkaitan orang Siam terutama rumah ibadat yang dikenali sebagai wat Siam. Pada waktu ini pemetaan juga dilaksanakan untuk mengetahui lokasi dan skop kajian supaya jelas dan menemui responden yang berkaitan. Seterusnya sumber lisan iaitu melalui temubual masyarakat di beberapa kampung yang ditemui. Soalan diberikan secara rawak dan dirakam untuk mengesahkan sesuatu perkara. Misalnya menemubual orang yang terdapat dalam wat Siam, aktiviti komuniti yang dilaksanakan di situ dan masyarakat setempat yang berketurunan Siam.

Agama dan Kepercayaan


Kedah negeri yang di utara Semenanjung Malaysia bersempadan dengan laut di sebelah kirinya Kepulauan Sumatera (Acheh) iaitu negara Indonesia dan Thailand (orang Siam) yang bersempadan secara daratan. Kemasukan perantau Acheh atau orang Acheh ke Kedah rancak semasa penjajahan Belanda yang bersikap kejam ke atas para ulama dan pemerintahan yang tegas[2]. Manakala Siam pula berlaku kemasukan secara langsung disebabkan kedudukan yang berhampiran dengan sempadan lebih mudah berlaku migrasi (Haslinda Hasan, BAHTERADAYA 2022). Kedua negara ini mempunyai agama yang kukuh iaitu Acheh beragama Islam dan Thailand beragama Buddha. Hal ini membuktikan faktor geografi adalah faktor pendorong kemasukan perantau Melayu dan Siam ke negeri Kedah.

Agama Buddha terdapat di Sri Lanka, Burma, Thailand, Laos, Kemboja dan negara lain di Asia Tenggara dikenali dalam kalangan para sarjana Jepun sebagai Nanpo Jozabu. Nanpo yang bermakna selatan merujuk kepada negara di bahagian selatan benua Asia yang penduduknya beragama Buddha. Jozabu pula bermakna Theravada, iaitu istilah yang berasal daripada bahasa Pali. Istilah Theravada terdiri daripada dua perkataan, Thera bermakna mereka daripada kalangan yang tertua dalam badan sangha (Persaudaraan Buddha), iaitu mereka yang mempunyai kedudukan yang sangat dihormati kerana lama menjadi bikkhu, sementara Vada pula yang berasal daripada vad, bermakna mengucapkan sesuatu iaitu ‘menyampaikan’ yang juga membawa maksud ucapan, perbincangan kepercayaan atau ajaran (Haslinda Hasan, SKKPN 2022). Dianggarkan bahawa jumlah pengikut agama Buddha Theravada melebihi 70 juta orang. Hampir kesemua masyarakat Siam Malaysia menganuti ajaran agama Buddha, sama seperti masyarakat Thai di Thailand. Antara amalan agama yang sangat jelas ialah mewajibkan golongan lelaki yang berumur 21 tahun ke atas menjadi sami Buddha. Setiap anak lelaki seharusnya perlu menjadi sami sekurangnya sekali dalam seumur hidupnya (Clifford Geertz, 1973). Oleh yang demikian ia membentuk semangat esprit de corp yang kuat sejak zaman kanak-kanak lagi kerana kehidupan mereka berlegar di sekitar wat.

[2] Kajian mengenai orang Aceh telah dilaksanakan oleh pengkaji atas pembiayaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu bertajuk *Indeks Pencapaian Komuniti Migrasi Malaysia : Profail dan Pengkategorian Komuniti Aceh Malaysia Bagi Keperluan Sektor Sosial dan Ekonomi*, geran FRGS/1/2015/SSI05/UUM/03/1, kod S/O 13230, penghargaan ditujukan kepada pihak kerajaan Malaysia yang meluluskan geran kajian ini (*The Ministry of Higher Education (MoHE), Malaysia for awarding me with the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) to carry out this research project*). Impak kajian kepada pihak kerajaan ialah dapat menggubal satu dasar yang komprehen mengenai kepelbagaian masyarakat perantau yang terdapat di negara kita termasuklah orang berketurunan Siam. Kesemua perantau ini mempunyai solidariti yang tinggi atau *esprit de corps* iaitu tahu sejarah suku mereka dan sayang kepada keturunannya.

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

Pengkaji telah mengkaji peranan institusi wat Siam yang merupakan tempat keagamaan dalam masyarakat Siam di Kedah. Beberapa kawasan telah dikenalpasti, dilawati dan ditemubual penduduk kampung yang berkenaan. Oleh kerana metod kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu melibatkan pengkaji untuk turun ke lapangan dalam membuat pemerhatian maka kebanyakan data, gambar, kawasan, orang dan seumpamanya merupakan koleksi peribadi pengkaji. Misalnya masyarakat Siam terdapat di Kampung Begia, Sik dan kebanyakan daripada mereka adalah petani dan setiap kampung yang dilawati mempunyai wat masing-masing. Misalnya terdapat kajian oleh Abu Hassan Dahaman (1976) yang memfokuskan tentang masyarakat Siam di Kampung Begia dalam daerah Sik Kedah. Skop kajian adalah mengenai asal-usul kampung Begia dan perkembangan masyarakat Siam pada masa tersebut. Turut dimuatkan ialah mengenai susunan masyarakat, sosio-ekonomi, agama Buddha, pelajaran dan politik. Masyarakat Siam di kampung Begia pernah dikatakan masyarakat yang tertutup kerana terpencil dan kurang bergaul dengan masyarakat sekeliling terutamanya orang Melayu. Bagaimanapun, selepas merdeka sikap memencilkan diri ini telah berkurangan apabila mereka menghantar anak-anak ke sekolah kerajaan dan bergaul mesra dengan orang Melayu. Namun walaupun berada di kawasan pedalaman semangat kekitaan mereka erat. Justeru, corak masyarakat yang terpisah oleh politik dan penempatan tidak lagi wujud apabila berlaku perubahan zaman. Peta di sebelah yang diambil pengkaji dalam kajian lapangan menerusi *google map* adalah kampung orang Siam di Bergia.



Peta 1: Kampung Bergia yang mempunyai penempatan masyarakat Siam yang beragama Buddha dan mempunyai wat yang besar.

Kampung Bergia terletak di Jeniang dalam daerah Sik dan berada di kawasan pendalaman negeri Kedah. Wat Siam dalam kampung ini ternyata besar dan mempunyai pelbagai fungsi yang membentuk *esprit de corps* seterusnya menyatukan masyarakat mereka dalam satu kampung. Mereka mempunyai pemimpin setempat yang dilantik dalam masyarakat komuniti mereka juga terdiri di kalangan sami Buddha.

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167



Gambar 1: Wat Thaicharoen yang terdapat di Kampung Bergia, ia adalah antara wat yang paling besar.

Masyarakat Siam di Kedah juga menganut agama Buddha Theravada seperti masyarakat Thai di Thailand. Gambar 1 di atas antara salah satu wat yang terbesar di daerah Sik. Buddha Theravada diertikan sebagai satu jalan bagaimana seseorang itu boleh mencapai tahap penyelamatan (*salvation*) melalui usaha diri sendiri. Tradisi Theravada tergolong dalam "jalan suci", iaitu doktrin yang menghubungkan penyelamatan dengan daya usaha diri sendiri. Malah dalam bahasa Thai, doktrin ini disebut sebagai *kammalikhit*. Istilah ini terdiri daripada *kamma*, bermakna perlakuan dan *likhit*, bermakna menulis.



Gambar 2: Tempat beribadat orang Siam yang terdapat dalam wat Thaicharoen

Merujuk kepada gambar 2, apabila pengkaji masuk ke dalam wat Thaicharoen terdapat banyak senibina yang melambangkan ajaran dan binaan patung Buddha. Terdapat larangan apabila berada dalam wat iaitu segala aktiviti yang berkaitan dengan perjudian, dadah, minuman keras dan penagihan ketum adalah tidak dibenarkan. Hal ini membuktikan wat sebagai salah satu institusi keagamaan dapat membentuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab dalam membentuk satu komuniti yang baik kepada penganutnya. Menurut ajaran Buddha, semua yang wujud di dunia ini terbentuk daripada gabungan elemen-elemen yang pelbagai dan mempunyai sifat yang *anicca* (sifat yang tidak kekal). Oleh itu, seseorang sepatutnya tidak membuat

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

sebarang tuntutan hak milik ke atas sebarang benda, seolah-olah ia kepunyaan peribadi dirinya sendiri. Segala kewujudan sebenarnya bukanlah kewujudan *anatta* (mempunyai roh yang berkekalan). Orang yang hidup dalam keadaan *avijja* (orang yang hidup dalam keadaan daif) tidak akan memahami akan kebenaran perkara ini, sebab itulah mereka menanggung kesengsaraan. Walaubagaimanapun sekiranya seseorang itu boleh menghilangkan sifat daifnya dan memperoleh *panja* (pemahaman mendalam), maka dengan sendirinya dia dapat menghapuskan kesengsaraan tersebut. Oleh yang demikian diri sendiri akan menjadi penyelamat daripada kesengsaraan yang dihadapinya. Apabila seseorang itu dapat menghapuskan kesengsaraan, maka dia akan mencapai tahap *nibbana* atau pencerahan sempurna (Yoneo Ishii, 1993).



Gambar 3: Kajian lapangan dan tinjauan ke wat Siam yang menjadi pusat aktiviti keagamaan dan program komuniti setempat

Merujuk kepada gambar 3 di atas, pengkaji telah menemui penduduk kampung yang berketurunan Siam dan mereka sedang berkumpul di dalam wat berkenaan. Mereka berbual sambil membuat perancangan aktiviti untuk manfaat komuniti Siam setempat. Komuniti masyarakat di situ percaya kepada animisme yang boleh didefinisikan sebagai satu kepercayaan yang meliputi semua bentuk kepercayaan terhadap kuasa ghaib atau semangat. Kepercayaan kepada benda dan kuasa ghaib ini merupakan satu asas agama bagi mereka. Kuasa ghaib yang dimaksudkan ini ialah roh dan semangat seperti yang diamalkan dalam penyembahan nenek moyang. Mereka juga menghormati roh nenek moyang dan percaya serta mengamalkan upacara penyembahan tersebut dengan harapan roh berkenaan akan tenteram dan bahagia. Malah perkataan brahmanisme pula berasal daripada perkataan *phrom* (brahma) yang bermaksud kedewaan atau ketuhanan, iaitu kepercayaan terhadap pertolongan atau restu daripada kuasa dewa (Yoneo Ishii, 1993).

Kepercayaan dan ritual masyarakat Siam yang dipengaruhi oleh Brahmanisme dan animisme ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis. Iaitu ritual yang dipengaruhi oleh Buddhisme, ritual yang dipengaruhi oleh campuran Buddhisme dan Brahmanisme, dan ritual yang dipengaruhi oleh campuran Brahmanisme dan Animisme. Ritual yang dipengaruhi oleh Buddhisme ialah ritual yang dijalankan di kuil-kuil Buddha atau wat. Di antara ritual tersebut ialah *buad nag* (menjadi *bikhu*), *wan phrak* (hari suci), *visakha puja* (hari wesak), dan *thot khatin* (pemberian wang dan busana keagamaan kepada pihak wat). Ritual yang dipengaruhi oleh campuran Buddhisme dan Brahmanisme ialah seperti *songkran* (pesta tahun baru atau pesta air) dan *loy*

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

krathong (pesta cahaya). Manakala ritual yang dipengaruhi oleh campuran Brahmanisme dan Animisme ialah ritual-ritual yang dijalankan di rumah seperti *tayai* (pemujaan roh keluarga), *wai krum mo* (pemujaan roh penjaga dan penyembuh penyakit) dan pemujaan roh-roh lain yang dipercayai oleh komuniti tersebut. Contohnya *Kratong* terbahagi kepada tiga bahagian, pada bahagian atas *kratong* menggambarkan bentuk wat Buddha yang terdapat di Thailand. Sementara itu, pada bahagian kedua yang terdapat tiga ekor gajah dan bunga teratai yang menjadi simbol kemuliaan dan kesucian bagi masyarakat Siam. Bahagian bawah pula menunjukkan bunga teratai yang besar dan pelbagai perhiasan unik di sekitarnya menggambarkan tentang kemakmuran dan kesempurnaan hidup. Warna-warna yang digunakan melambangkan kemeriahan pesta *Loy Kratong*. Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat kratong boleh dibeli dari negara jiran dan juga menggunakan bahan-bahan tempatan. Purata perbelanjaan untuk membuat *kratong* adalah RM70.00 sehingga RM100. Kadang-kadang jumlah perbelanjaan melebihi daripada itu. Masa yang diambil untuk membuat sebuah *kratong* ialah melebihi 2 minggu. Bagi *kratong* yang rumit, masa yang lebih panjang diperlukan (Nor Aishah, 1990).

Pesta *Songkran* merupakan salah satu pesta yang disambut oleh masyarakat Siam yang beragama Buddha dan sami bertindak sebagai ketua atau guru yang sangat dihormati di wat dan dalam apa sahaja restu darinya adalah penting. Pesta *Songkran* disambut di bahagian utara Semennanjung Malaysia seperti di negeri Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu. Pesta tersebut telah dicatat dalam kalendar tahun melawat negeri. Hal ini membuktikan pesta *Songkran* mempunyai peranan yang bermakna iaitu memohon maaf serta meminta restu terutama daripada ibu bapa, guru dan sami. Perayaan inilah yang berjaya menyatukan mereka dan saling bermaafan sesama mereka.

Pendidikan

Pendidikan merupakan asas penting dalam mendidik generasi muda mengenai jati diri atau *esprit de corp* supaya mereka tumbuh dan berkembang menjadi manusia yang berguna. Ibu bapa adalah bertanggungjawab dalam institusi kekeluargaan yang penting dan terawal iaitu dapat memupuk semangat kekitaan dalam kalangan anak-anak mereka. Oleh itu, masyarakat Siam masih setia menggunakan bahasa Siam di samping penggunaan bahasa Melayu apabila berhubung dengan orang luar atau masyarakat Melayu sekitarnya. Kajian Lockwood (1992), tentang penyerapan nilai dan penerimaan etnik minoriti berlaku secara fungsional menerusi institusi pendidikan. Hal ini bermaksud menerusi pendidikan berlaku percampuran iaitu pelajar Siam dengan Melayu yang sama-sama menggunakan bahasa Melayu secara formal di sekolah dan di rumah atau sesebuah penempatan dapat mengeratkan hubungan. Manakala golongan peringkat umur antara 25 hingga 50 tahun sudah banyak menggunakan bahasa Melayu daripada bahasa Siam dalam perhubungan seharian. Terbukti berdasarkan pengalaman penulis rata-rata semua masyarakat Siam semasa kecil telah menggunakan bahasa Siam di rumah dan dalam komuniti mereka. Oleh itu, golongan ini tetap menggunakan bahasa Siam sekiranya berbicara dengan dengan golongan tua atau golongan yang sebaya dengannya.

Golongan peringkat umur 25 tahun ke bawah pula boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama berumur antara 15 hingga 25 tahun dan peringkat kedua berumur 15 tahun ke bawah. Bagi golongan peringkat pertama yang berumur 15 hingga 25 tahun, semasa kecil mereka masih lagi terdedah dengan bahasa Siam. Boleh dikatakan setiap hari mereka mendengar bahasa Siam yang diucapkan oleh golongan yang lebih tua daripada mereka. Manakala bagi golongan peringkat kedua yang berumur 15 tahun ke bawah, sudah tidak ada lagi dapat menguasai bahasa Siam dan cuma sebilangan kecil sahaja yang dapat memahami

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

ucapan bahasa Siam. Golongan ini agak terasing dari bahasa Siam. Semasa mereka di peringkat kanak-kanak, bahasa Siam tidak lagi didedahkan kepada mereka tambahan pula suasana masyarakat sekeliling juga jarang bertutur bahasa Siam terutama golongan muda yang selalu berdampingan dengan mereka. Mereka hanya berpeluang mendengar bahasa Siam diucapkan sekiranya terdapat golongan tua sedang berkomukasi. Namun, mereka tidak mengambil endah tentang perbualan golongan tua itu (A. Bakis, 1983). Berdasarkan perkembangan semasa mereka telah memberikan pendidikan yang tinggi kepada anak-anak mereka dan melibatkan diri dalam bidang perkhidmatan dan perniagaan. Seterusnya dalam bidang sosial, sudah ada masyarakat Siam yang telah dilantik menjadi senator, profesor, dan banyak lagi. Misalnya tokoh kebudayaan iaitu mendiang Siri Neng Buah yang pernah menerima anugerah Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup pada tahun 2013, merupakan contoh terbaik yang merentas batas etnik dan warisan Siamnya untuk menyulam sama dalam kerjaya dan kehidupannya dengan warisan nasional yang mentakrif jati diri dan semangat negara bangsa Malaysia, pada dirinya(https://www.ukm.my/kita/news/siri-wacana-warisan-nasional-warisan-siam-kelantan-sempena-memperingati-siri-neng-buah-8-mac-2018/, akses 8/10/2023). Selain itu orang Siam juga berjaya dalam mempertahankan kebudayaan mereka seperti yang dinyatakan oleh sasterawan dan pengamal kebudayaan menora iaitu Prof. Dr. Lim Swee Tin menyatakan kesenian menora telah menjadi sebahagian warisan masyarakat Siam yang sangat disayangi. Menurutnya lagi ada antara tokoh- tokoh menora ini yang berkebolehan mengubati penyakit, bahkan dalam keseniannya terdapat proses pengubatan iaitu mengalihkan *sael* iaitu tanda pada wajah kepada bayi atau anak-anak kecil. Ada pula yang berkebolehan memulihkan seseorang yang lemah semangat atau dikatakan diganggu makhluk halus dan sebagainya. Hal ini memperkuatkan kepercayaan dan kepatuhan masyarakat Siam terhadap jati diri dan budaya mereka sehingga kini.

Kesimpulan

Pengkajian mengenai etnik Siam di Kedah adalah penting untuk melihat dan memahami sejarah dan penerapan *esprit de corp* yang berjaya menyemai semangat solidariti dan pengekalan jati diri mereka. Walaupun mereka adalah kaum minoriti namun kerajaan tidak pernah mengabaikan kebajikan dan hak yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai rakyat yang sah dan mempunyai hak yang sepatutnya. Walaupun masyarakat Siam menerima gelombang pengaruh budaya yang datang dari luar tetapi mereka masih dapat mengekalkan bahagian tertentu daripada adat dan tradisi mereka apabila menjadikan wat sebagai institusi pendidikan dalam masyarakat secara tidak formal. Kajian ini membuktikan peranan wat Siam terhadap identiti dan *esprit de corps* di kedah sebagai aspek penting untuk pembelajaran agama, bahasa dan menjadi sami.

Volume: 9 Issues: 61 [March, 2024] pp. 799 - 808
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: www.jised.com
DOI: 10.55573/JISED.096167

Rujukan

Abu Hassan bin Dahaman. (1976). *Petempatan orang-orang Siam di Kampung Begia, Kedah: Satu Tinjauan.* Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. A. Bakis. (1983). *Sisa-sisa pengaruh Siam di Utara negeri Kedah masa kini.* Majalah Widya.

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (2016). *Sejarah Kedah Dua Millenia*, UUM Press: Sintok, Kedah.

Asiah Othman. (1978). *Masyarakat Thai di Kedah, 1900-1960an: Satu tinjauan umum mengenai sosial, ekonomi dan kegiatan berpersatuan*. Latihan Ilmiah, Bangi: UKM.

Clifford Geertz. (1973). *The Interpretation of Culture*, Basic Books : New York.

Haslinda Hasan. (2022). *e-Prosiding Seminar Kebangsaan Kenegaraan dan Perpaduan Nasional Siri 1-Tahun 2023*, Peranan institusi agama terhadap masyarakat siam di sik kedah, eISBN: 978-967-2681-72-4.

Haslinda Hasan. (2022). *e-Prosiding BAHTERADAYA 2022: NARADATA Bahasa, Sastera dan Budaya II, 24 Mei 2022*, Sejarah dan identiti perantau Acheh dan Siam di Kedah, eISSN 27858014.

Khuarul Nisaq Binti Abdul Majid dan Clarence Ngui Yew Kit. (2018). Perubahan Sosial Masyarakat Siam di Pendang, Kedah, *Jurnal Wacana Sarjana*. Jilid 2(1) Mac 2018: 1-15, e-ISSN 2600-9501.

Lockwood, D. (1992). *Social integration and system integration. Solidarity and schism: The problem of disorder in Durkheimian and Marxist sociology*. Oxford: Oxford University Press.

Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2013). *Hubungan Kesultanan Kedah Dengan Siam*, Seminar Kesultanan Negeri Kedah, Anjuran Kerajaan Negeri Kedah dan Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 10 –11 September 2013, Arkib Negara Malaysia. Nor Aishah Harun. (1990). *Etnografi masyarakat Siam di Kampung Giam, daerah Kubang Pasu Jitra Kedah. Kajian mengenai sejarah kedatangan dan corak kehidupan dari segi ekonomi, sosial dan politik.* Kertas Projek. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Yoneo Ishii. (1993). *Sejarah Sangha Thai: hubungan Buddhisme dengan negara dan masyarakat*, Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia.

https://books.google.com.my/books/about/Sejarah_Sangha_Thai.html?id=n2fYAAAAMAAJ&redir_esc=y, akses 9/12/2021

https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/03/821743/memantapkan-espirit-de-corp, akses 7/10/2023.

https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/82, akses 2/2/2024.